



PEJABAT YANG DI-PERTUA DEWAN NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.4/2022

KUALA LUMPUR, 17 Mac 2022: Yang di-Pertua Dewan Negara, Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim menerima kunjungan hormat daripada Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin di Parlimen pagi tadi bagi membincangkan cadangan untuk mewajibkan ahli-ahli Dewan Negara menjalani pemeriksaan kesihatan sekurang-kurangnya sekali setahun.

Cadangan ini dikemukakan Khairy rentetan kajian yang dibuat dari Julai 2018 hingga November 2020 melaporkan kes penyakit tidak berjangkit (NCD) semakin meningkat terutama penyakit jantung, darah tinggi dan kanser. Demi memastikan anggota Dewan Negara sentiasa dalam keadaan yang sihat fizikal dan mental, saranan untuk mewajibkan saringan kesihatan secara berkala tersebut amat disambut baik.

Tan Sri Rais juga turut mencadangkan agar pemeriksaan kesihatan tersebut dipanjangkan kepada Ahli Dewan Rakyat demi memastikan elemen Kepimpinan Melalui Teladan dapat direalisasikan dan menjadi contoh kepada masyarakat.

Menurut Khairy dalam pertemuan itu, setakat hari ini lebih kurang 400 ribu sahaja daripada 4.9 juta rakyat yang telah menjalani saringan kesihatan secara percuma dalam program Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40). Justeru mencadangkan semua anggota parlimen terutama yang berumur 40 tahun ke atas wajib menjalani saringan kesihatan bagi memastikan tahap kesihatan mereka sentiasa dipantau.

Cadangan itu juga akan dipanjangkan kepada anggota perkhidmatan awam yang berumur 40 tahun ke atas diwajibkan untuk membuat saringan kesihatan sama dengan kewajipan mereka untuk mengisytiharkan harta.

...2/-

Khairy juga turut memaklumkan Bulan Saringan Kesihatan akan dilaksanakan di seluruh negara bermula Julai ini dengan menyasarkan seramai 1.5 juta orang yang berisiko tinggi mengidap penyakit tidak berjangkit (NCD).

PARLIMEN MALAYSIA

17 Mac 2022
Kuala Lumpur